# PERSONAL DATA PROTECTION NOTICE
## *NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI*

This written notice ("**Notice**") is issued to you by Aurelius Healthcare Sdn Bhd and/or Aurelius Healthcare Sdn Bhd on behalf of its subsidiaries, related corporations and/or affiliates (collectively "**our**", "**us**" or "**we**"). For the purpose of this Notice, the terms "**personal data**", "**sensitive personal data**" and "**processing**" shall have the same meaning as prescribed in the Personal Data Protection Act 2010 ("**Act**").
*Notis bertulis ini ("**Notis**") dikeluarkan kepada anda Aurelius Healthcare Sdn Bhd dan/atau Aurelius Healthcare Sdn Bhd bagi subsidiari, perbadanan-perbadanan berkaitan dan/atau syarikat-syarikat bersekutunya ("**kami**"). Untuk tujuan Notis ini, terma-terma "**data peribadi**", "**data peribadi sensitif**" dan "**pemprosesan**" mempunyai maksud yang sama seperti yang ditakrif dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("**Akta**").*

**Consent/ *Persetujuan***

1. This Notice serves to inform you that your personal data is being processed by us or on our behalf and you agree to the processing of your personal data in accordance with this Notice.
   *Notis ini bertujuan untuk memaklumkan anda bahawa data peribadi anda sedang diproses oleh kami atau bagi pihak kami dan anda bersetuju dengan pemprosesan data peribadi anda mengikut Notis ini.*

**Description of personal data/ *Perihalan data peribadi***

2. We may collect a variety of personal data (including sensitive personal data) from you from time to time including but not limited to name, date of birth, age, gender, Malaysian Identification Card number, passport number or such other personal identification number, nationality, health condition and information, medical record, e-mail address, address, contact number, photographs, bank account details, CCTV images and footages, biometric data, family information, emergency contact information, insurance details, other personal data which is submitted or made available by you to us from time to time and all other personal data we again collect from you on any subsequent occasion.
   *Kami mungkin mengumpul pelbagai data peribadi (termasuk data peribadi sensitif) daripada anda dari semasa ke semasa termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, tarikh lahir, umur, jantina, nombor Kad Pengenalan Malaysia, nombor pasport atau nombor pengenalan peribadi lain, kewarganegaraan, maklumat dan keadaan kesihatan, rekod perubatan, alamat e-mel, alamat, nombor telefon, gambar, maklumat akaun bank, imej dan rakaman CCTV, data biometrik, maklumat keluarga, maklumat perhubungan kecemasan, butiran insurans, data peribadi lain yang dihantar atau dikemukakan oleh anda kepada kami dari semasa ke semasa dan semua data peribadi lain kami sekali lagi kumpul daripada anda pada bila-bila masa kemudiannya.*

**Purpose/ *Maksud***

3. Your personal data is being or is to be collected and further processed for the following purposes (where relevant):
   *Data peribadi anda sedang atau akan dikumpulkan dan diproses selanjutnya untuk maksud-maksud berikut (jika relevan):*
   (a) providing you with medical and healthcare services;
   *menyediakan perkhidmatan perubatan dan penjagaan kesihatan kepada anda;*
   (b) *managing your appointments;*
   *mengurus temu janji anda;*
   (c) *establishing and managing medical records and medical reports;*
   *mewujudkan dan mengurus rekod perubatan dan laporan perubatan;*
   (d) facilitating and processing payments made by or to you;
   *memudahkan dan memproses pembayaran yang dibuat oleh atau kepada anda;*
   (e) *creating aggregated data for education and training purposes;*

*mewujudkan data agregat untuk maksud pendidikan dan latihan;*

(f) *for submission and registration of relevant forms, licenses to the relevant authorities and/or third parties under the governing laws relevant to the healthcare industries;*
*untuk penyerahan dan pendaftaran borang yang berkaitan, lesen kepada pihak berkuasa yang berkaitan dan/atau pihak ketiga di bawah undang-undang yang mengawal industri pernjagaan kesihatan;*

(g) internal administration and management purposes, including without limitation for purposes related to data storage and management*;*
*maksud-maksud pentadbiran dan pengurusan dalaman, termasuk tanpa had untuk maksud-maksud yang berkaitan dengan penyimpanan dan pengurusan data;*

(h) organising, participating in, managing and/or carrying out duties in connection with our events, programmes and other activities organised or sponsored by us or on our behalf ("**Events**");
*menganjurkan, mengambil bahagian, mengurus dan/atau menjalankan tugas yang berkaitan dengan acara, program dan aktiviti lain yang dianjurkan atau ditaja oleh, atau bagi pihak, kami ("**Acara**");*

(i) advertising and providing you with information (such as Events, offers or promotions) relating to our and our related corporations' and business partner's products and/or services, including without limitation sending you e-newsletters, promotional marketing materials and seasonal greetings and messages;
*mengiklankan dan memberi anda maklumat (seperti Acara, tawaran atau promosi) yang berkaitan dengan produk dan/atau perkhidmatan kami, syarikat-syarikat bersekutu kami dan rakan-rakan perniagaan kami, termasuk tanpa had kepada menghantar surat berita elektronik, bahan pemasaran promosi dan mesej dan ucapan perayaan;*

(j) business development purposes, market surveys/research and trend analysis such as evaluating the effectiveness of our marketing or advertising content, statistics compilation, reporting, audit, compliance, risk management and assessment, data analytics to improve our services and for the purpose of assisting us in any future dealings with you;
*maksud pembangunan perniagaan, tinjauan/penyelidikan pasaran dan analisis trend seperti menilai keberkesanan kandungan pemasaran atau pengiklanan kami, kompilasi statistik, pelaporan, audit, pematuhan, pengurusan dan penilaian risiko, analisis data untuk menambahbaik perkhidmatan kami dan untuk tujuan membantu kami dalam sebarang urusan dengan anda di masa hadapan;*

(k) allowing you to access any online platforms or sites owned, operated or managed by us or on our behalf ("**Platform**");
*membolehkan anda* mengakses *mana-mana platform dalam talian atau laman web yang dimiliki, dikendalikan atau diuruskan oleh kami atau bagi pihak kami ("**Platform**");*

(l) communicating with you, dealing with your inquiries or complaints and resolving any issues/disputes;
*berkomunikasi dengan anda, menangani pertanyaan atau aduan anda dan menyelesaikan sebarang isu/pertikaian;*

(m) enforcing our rights and obtaining professional advice;
*menguatkuasakan hak-hak kami dan mendapatkan nasihat profesional;*

(n) the operation, management, enhancement and/or maintenance of our system and/or facilities;
*operasi, pengurusan, penambahbaikan dan/atau penyelenggaraan sistem dan/atau kemudahan;*

(o) granting you access to any relevant premises/facilities, including without limitation the premises/facilities owned, operated or managed by us or on our behalf ("**Our Premises**");
*memberikan anda akses kepada mana-mana premis/kemudahan yang berkaitan, termasuk tanpa had premis/kemudahan yang dimiliki, dikendalikan atau diuruskan oleh kami atau bagi pihak kami ("**Premis Kami**");*

(p) publishing photographs or video footages of you, which are captured during your participation in any of our Events or at our Premises;
*menerbitkan gambar dan rakaman video anda, yang ditangkap semasa penyertaan anda dalam mana-mana Acara kami atau di Premis Kami;*

(q) protecting your safety and wellbeing and that of our customers/patrons;
*melindungi keselamatan dan kesejahteraan anda dan pelanggan/pelawat kami yang lain;*

(r) preventing or investigating any fraud, illegal or criminal activities;
*mencegah atau menyiasat sebarang penipuan, aktiviti haram atau jenayah;*

(s) complying with any legal or regulatory requirements and/or directions and instructions from any law enforcement officer or governmental and regulatory bodies;
*mematuhi apa-apa kehendak undang-undang atau kawal selia dan/atau arahan dan permintaan daripada pegawai penguatkuasa undang-undang atau badan kerajaan dan pihak berkuasa pengawalseliaan;*

(t) contemplated or actual corporate restructuring or corporate transaction involving us including without limitation any joint venture, merger, acquisition, restructuring and/or reorganization and/or acquisition, disposition, sale, assignment and/or transfer of any or all portion of our business, rights, obligations, assets or stock (“**Corporate Transaction**”); and/or
*penstrukturan semula atau transaksi korporat sebenar atau yang dijangkakan yang melibatkan kami termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang usahasama, penggabungan, pengambilalihan, penstrukturan semula dan/atau penyusunan semula dan/atau pemerolehan, pelupusan, penjualan, penyerahan dan/atau pemindahan mana-mana atau semua bahagian perniagaan, hak, obligasi, aset atau stok kami (“**Transaksi Korporat**”); dan/atau*

(u) such other purposes authorised by you or directly related or ancillary to the foregoing.
*maksud-maksud lain yang dibenarkan oleh anda atau berhubungan secara langsung atau sampingan dengan yang tersebut di atas.*

(collectively, the “**Purposes**”).
*(secara kolektif, “**Maksud**”).*

**Source of personal data/ *Sumber data peribadi***

4. Your personal data is being or is to be collected from a variety of sources, including without limitation:
*Data peribadi anda sedang atau akan dikumpulkan daripada pelbagai sumber, termasuk tanpa had:*

(a) from the forms submitted or filled in by you or on your behalf to us;
*dari borang yang dikemukakan/dihantar atau diisi oleh anda atau bagi pihak anda kepada kami;*

(b) via our Platform and/or the cookies;
*melalui Platform kami dan/atau cookies;*

(a) medical reports and medical records;
*laporan perubatan dan rekod perubatan;*

(b) any third parties connected with you, such as your employer/potential employer, agents, insurance companies, and/or other healthcare facilities/providers;
*mana-mana pihak ketiga yang berkaitan dengan anda, seperti majikan/bakal majikan anda, ejen, syarikat insurans dan/atau kemudahan/penyedia penjagaan kesihatan yang lain;*

(c) from CCTV;
*dari CCTV;*

(d) from any information or document submitted or provided by you to us for any of the Purposes;
*daripada mana-mana maklumat atau dokumen yang diserahkan atau diberikan oleh anda kepada kami untuk mana-mana Maksud tersebut;*

(e) when you contact us through various methods such as telephone calls, emails and/or the Platform;
*apabila anda menghubungi kami melalui pelbagai kaedah seperti panggilan telefon, e-mel dan/atau Platform;*

(f) inquire about, register for or participate in any Events;
*bertanya tentang, mendaftar untuk atau menyertai mana-mana Acara;*

(g) from any third parties (including without limitation regulatory and law enforcement authorities and other third party sources); and/or
*daripada mana-mana pihak ketiga (termasuk tanpa had kepada pihak pengawalseliaan berkuasa dan penguatkuasa undang-undang dan sumber pihak ketiga yang lain); dan/atau*

(h) from all other communications between you and us and all other information that you may provide to us from time to time.
*daripada semua komunikasi lain antara anda dan kami dan daripada semua maklumat lain yang anda mungkin berikan kepada kami dari semasa ke semasa.*

**Access to, correction of and limiting the processing of personal data/ *Akses kepada, pembetulan terhadap dan had pemprosesan data peribadi***

5. You have the right to request access to and to request correction of your personal data subject to the following and subject to provisions of the Act:
*Anda berhak untuk meminta akses kepada dan meminta pembetulan terhadap data peribadi anda tertakluk kepada peruntukan berikut dan peruntukan Akta tersebut:*

   (a) you may, upon payment of a prescribed fee (if any), make a data access request or a data correction request in writing to us; and
   *anda boleh, apabila membayar fi yang ditetapkan (jika ada), membuat permintaan mengakses data atau permintaan pembetulan data secara bertulis kepada kami; dan*

   (b) we may refuse to comply with your data access request or a data correction request and shall, by notice in writing, inform you of our refusal and the reasons of our refusal.
   *kami boleh enggan mematuhi permintaan mengakses data atau permintaan pembetulan data daripada anda dan hendaklah, melalui notis bertulis, memaklumkan anda mengenai keengganan tersebut dan sebab-sebab bagi keengganan tersebut.*

6. You may, by sending us a written notice: (a) limit the processing of your personal data or request us to cease or not begin processing your personal data for purposes of direct marketing; and/or (b) withdraw your consent previously given to us (in full or in part) to the processing of your personal data, subject to any applicable legal restrictions and a reasonable duration of time for the withdrawal of consent to be effected. If you limit the processing or withdraw your consent to any or all use of your personal data, it may result in: (i) us being unable to continue to administer any arrangement or contractual relationship in place between you and us; (ii) us being unable to (continue to) perform any of our contractual obligations to you (if any); (iii) us being unable to process your personal data for any of the Purposes; and/or (iv) the termination of any arrangements/agreements/contracts between you and us, without any liability on our part ("**Consequences**”).
*Anda boleh, dengan menghantar notis bertulis kepada kami: (a) mengehadkanpemprosesan data peribadi anda atau meminta kami berhenti memproses atau tidak memulakan pemprosesan data peribadi anda untuk tujuan pemasaran langsung; dan atau (b) menarik balik persetujuan anda yang telah diberikan kepada kami (sepenuhnya atau sebahagiannya) untuk memproses data peribadi anda, tertakluk kepada apa-apa sekatan undang-undang yang berkenaan dan tempoh masa yang munasabah untuk perlaksanaan penarikan balik persetujuan tersebut. Jika anda mengehadkanpemprosesan atau menarik balik persetujuan anda kepada apa-apa atau semua penggunaan data peribadi anda, ia akan menyebabkan: (i) kami tidak dapat terus mentadbir sebarang pengaturan atau hubungan kontraktual antara anda dan kami; (ii) kami tidak dapat (terus) melaksanakan mana-mana obligasi kontraktual kami kepada anda (jika ada); (iii) kami tidak dapat memproses data peribadi anda untuk mana-mana Maksud tersebut; dan/atau (iv) penamatan sebarang pengaturan/perjanjian/ kontrak antara anda dan kami, tanpa sebarang tanggungjawab daripada pihak kami (“**Konsekuensi**”).*

7. You may contact us with any inquiries or complaints in respect of your personal data via the methods below:
*Anda boleh menghubungi kami tentang apa-apa pertanyaan atau aduan berkenaan dengan data peribadi anda melalui kaedah di bawah:*

1. Aurelius Hospital Negeri Sembilan (Aurelius Hospitals Sdn. Bhd.)

| | |
|---|---|
| **Designation/ *Jawatan*:** | Data processing officer |
| **Telephone No./ *No. Telefon*:** | 06-850 5000 (ext. 6018) |
| **E-mail address/ *Alamat E-mel:*** | my.ahns.pdpa@aureliushealth.com |

2. Aurelius Hospital Pahang (Pahang Medical Centre Sdn. Bhd.)

| | |
|---|---|
| **Designation/ *Jawatan*:** | Data processing officer |
| **Telephone No./ *No. Telefon*:** | 09-5137110 |
| **E-mail address/ *Alamat E-mel:*** | my.ahp.pdpa@aureliushealth.com |

3. Aurelius Hospital Alor Setar (Aurelius Hospital Alor Setar Sdn. Bhd.)

| | |
|---|---|
| **Designation/ *Jawatan*:** | Data processing officer |
| **Telephone No./ *No. Telefon*:** | 04-736 6970 |
| **E-mail address/ *Alamat E-mel:*** | my.ahas.pdpa@aureliushealth.com |

4. Aurelius Frontier Jitra

| | |
|---|---|
| **Designation/ *Jawatan*:** | Data processing officer |
| **Telephone No./ *No. Telefon*:** | 04-736 6970 |
| **E-mail address/ *Alamat E-mel:*** | my.afj.pdpa@aureliushealth.com |

5. Aurelius Frontier Cyberjaya

| | |
|---|---|
| **Designation/ *Jawatan*:** | Data processing officer |
| **Telephone No./ *No. Telefon*:** | 06-850 5000 (ext. 6018) |
| **E-mail address/ *Alamat E-mel:*** | my.afc.pdpa@aureliushealth.com |

**Disclosure of personal data/ *Penzahiran data peribadi***

8. We may disclose/transfer your personal data to the following third parties (who may be located within or outside Malaysia):
*Kami mungkin menzahirkan/memindahkan data peribadi anda kepada pihak ketiga (yang mungkin berada di dalam atau di luar Malaysia) berikut:*
   (a) our related corporations, affiliates and/or subsidiaries;
   *perbadanan-perbadanan berkaitan kami, syarikat-syarikat bersekutu dan/atau subsidiari kami;*
   (b) our business partners, contractors and service providers, including without limitation our data centre service providers, storage facility and records management service providers, cloud service providers, telecommunications and information technology service providers;
   *rakan-rakan perniagaan, kontraktor dan pembekal perkhidmatan kami, termasuk tanpa had kepada pembekal perkhidmatan pusat data kami, pembekal kemudahan penyimpanan dan pengurusan rekod, pembekal perkhidmatan awan, pembekal perkhidmatan telekomunikasi dan teknologi maklumat;*
   (c) laboratories and diagnostic service providers;
   *makmal dan pembekal perkhidmatan diagnostik;*
   (d) medical and healthcare professionals;
   *profesional perubatan dan penjagaan kesihatan;*

(e) your employer;
*majikan anda;*

(f) your family or your emergency contact person as may be notified to us from time to time;
*keluarga anda atau orang hubungan kecemasan anda seperti yang mungkin dimaklumkan kepada kami dari semasa ke semasa;*

(g) our financial and other professional advisors including but not limited to auditors, accountants and lawyers (on a need-to-know basis);
*penasihat kewangan atau profesional kami termasuk tetapi tidak terhad kepada juruaudit, akauntan dan peguam (dasar keperluan untuk mengetahui);*

(h) banks and insurance companies;
*bank dan syarikat insurans;*

(i) law enforcement officers, governmental (including without limitation semi and quasi-governmental) departments and/or agencies, regulatory and/or statutory bodies;
*pegawai penguatkuasa undang-undang, jabatan dan/atau agensi kerajaan (termasuk tanpa had jabatan separa dan kuasi kerajaan) dan pihak berkuasa pengawalseliaan;*

(j) such third party as requested for or authorised by you or as required by law;
*mana-mana pihak ketiga yang diminta atau dibenarkan oleh anda atau seperti yang dikehendaki oleh undang-undang;*

(k) third parties due to any actual or potential Corporate Transaction; and/or
*pihak ketiga disebabkan oleh Transaksi Korporat yang sebenar atau yang dijangkakan; dan/atau*

(l) other third parties for any of the Purposes.
*pihak ketiga lain untuk mana-mana Maksud tersebut.*

**Third party personal data/ *Data peribadi pihak ketiga***

9. We may require your assistance if the personal data relating to other persons is required to process your personal data for the Purposes and you hereby agree to use your best endeavours to assist us when required.
*Kami mungkin memerlukan bantuan anda jika data peribadi berhubungan dengan orang lain adalah diperlukan untuk memproses data peribadi anda untuk Maksud tersebut dan anda dengan ini bersetuju untuk menggunakan usaha terbaik anda untuk membantu kami apabila diperlukan.*

10. In the event that personal data of any third party is supplied by you to us, you shall ensure that such third party has read this Notice and consented to us collecting his/her personal data for any of the Purposes prior to the supply of his/her personal data to us.
*Jika data peribadi pihak ketiga telah diberikan oleh anda kepada kami, anda hendaklah memastikan bahawa pihak ketiga tersebut telah membaca Notis ini dan bersetuju dengan pemprosesan data peribadinya untuk mana-mana Maksud tersebut sebelum memberikan data peribadinya kepada kami.*

11. Where another person is providing/submitting any of your personal data to us, you agree that you have authorised the disclosure of your personal data to us and consented to the processing of your personal data by us in accordance with this Notice.
*Jika orang lain memberikan/mengemukakan data peribadi anda kepada kami, anda bersetuju bahawa anda telah memberi kebenaran untuk pemberian/pengemukaan data peribadi anda dan anda bersetuju dengan pemprosesan data peribadi anda oleh kami selaras dengan Notis ini.*

**Personal Data of minors and others / Data peribadi kanak-kanak bawah umur dan lain-lain**

12. In respect of: (i) personal data relating to a minor (i.e. individuals under 18 years of age, "**Minor**"), please note that consent is required from the Minor's parent or guardian or person who has parental responsibility over the Minor; and (ii) an individual who is deemed incapable of managing his/her own

affairs ("**Special Person**"), please note that we require consent from the person appointed by a court to manage the Special Person's affairs or the person who has been legally or validly authorised to act on the Special Person's behalf. Where applicable, you hereby confirm that you are authorised to act on the Minor's or the Special Person's behalf as described above and that you consent, on the Minor's or the Special Person's behalf, to the processing (including disclosure and transfer) of the Minor's or the Special Person's personal data in accordance with this Notice. In the event that you submit any of your personal data to us (in addition to the Minor's personal data or the Special Person's personal data), you also consent to the processing of your personal data in accordance with this Notice.

*Mengenai data peribadi yang berkaitan dengan: (i) kanak-kanak di bawah umur (iaitu individu di bawah umur 18 tahun, "**Kanak-kanak Bawah Umur**"), sila ambil perhatian bahawa persetujuan adalah diperlukan daripada ibu bapa atau penjaga Kanak-kanak Bawah Umur tersebut atau seorang yang mempunyai tanggungjawab ibu bapa terhadap Kanak-kanak Bawah Umur tersebut; dan (ii) seorang individu yang dianggap tidak berupaya untuk mengurus urusannya sendiri ("**ITB**"), sila ambil perhatian bahawa kami memerlukan persetujuan daripada seorang yang dilantik oleh mahkamah untuk menguruskan urusan-urusan ITB tersebut atau seorang yang diberi kuasa secara sah untuk mewakili ITB tersebut. Di mana berkenaan, anda dengan ini mengesahkan bahawa anda telah diberikan kuasa atau dibenarkan untuk memberi persetujuan bagi pihak Kanak-kanak Bawah Umur atau ITB tersebut seperti yang dinyatakan di atas dan anda bersetuju, bagi pihak Kanak-kanak Bawah Umur atau ITB tersebut, untuk pemprosesan (termasuk penzahiran dan pemindahan) data peribadi Kanak-kanak Bawah Umur atau ITB tersebut selaras dengan Notis ini. Sekiranya anda menyerahkan/mengemukakan data peribadi anda kepada kami (sebagai tambahan kepada data peribadi Kanak-kanak Bawah Umur atau ITB tersebut), anda juga bersetuju dengan pemprosesan data peribadi anda selaras dengan Notis ini.*

**Obligatory personal data/ *Data peribadi wajib***

13. It is obligatory that you supply us the personal data specified as compulsory in our forms. If you fail to supply us with any of the said personal data, it may result in any of the Consequences (as specified in paragraph 6 above).
    *Ia adalah wajib untuk anda memberikan kepada kami data peribadi yang dinyatakan wajib dalam borang kami. Jika anda tidak memberikan kami mana-mana data peribadi tersebut, ia akan mengakibatkan mana-mana Konsekuensi (seperti yang dinyatakan dalam perenggan 6 di atas).*

**Transfer of personal data to places outside Malaysia/ *Pemindahan data peribadi ke tempat di luar Malaysia***

14. We may, where necessary, transfer your personal data to a place outside of Malaysia and you hereby consent to the transfer.
    *Kami boleh, jika perlu, memindahkan data peribadi anda ke tempat di luar Malaysia dan anda dengan ini bersetuju terhadap pemindahan tersebut.*

**Accuracy of your personal data/ *Ketepatan data peribadi***

15. You are responsible for ensuring that the information you provide to us is accurate, complete, not misleading and kept up to date.
    *Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa maklumat yang anda berikan kami adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini.*

**Amendments/ *Pindaan***

16. We may update and amend this Notice from time to time. We will notify you of any amendments to this Notice via notices on our Platform, through email or other appropriate means. Any such amendments will be effective upon such notification. By continuing your engagement with us or continuing with your application process after the issuance of such amendment notice, you will be considered as having

agreed to this Notice (as amended and updated).
*Kami mungkin mengemaskini dan meminda Notis ini dari semasa ke semasa. Kami akan memaklumkan anda apa-apa pemindaan kepada Notis ini melalui notis di Platform kami, melalui e-mel atau cara-cara lain yang sesuai. Apa-apa pemindaan kepada Notis ini akan berkuatkuasa setelah pemakluman tersebut. Dengan meneruskan penglibatan anda dengan kami atau melanjutkan proses permohonan anda setelah penerbitan atau pengeluaran pemakluman mengenai pindaan kepada Notis ini, anda akan dianggap telah bersetuju dengan Notis ini (yang telah dipinda dan dikemaskini).*

**Conflict/ *Konflik***

17. In the event of any inconsistency between the English version and the Bahasa Malaysia version of this Notice, the English version shall prevail over the Bahasa Malaysia version.
*Sekiranya terdapat apa-apa ketidak-konsistenan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia Notis ini, versi Bahasa Inggeris akan mengatasi versi Bahasa Malaysia.*